

13/08/2001

Pengisar ais pertama ciptaan tempatan

Shamsul Azree Samshir

SUNGAI SIPUT, Ahad - Saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya rakyat berani membuat inovasi atau merekacipta sesuatu yang baru dapat dilihat dalam produk pengisar ais yang dipamerkan sempena sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2001.

'Flake Ice Maker' yang dikeluarkan oleh Syarikat Ban Eng Hong Refrigeration and Electrical Works yang beroperasi di Estet Perindustrian Mergong, Alor Star membuktikan rakyat Malaysia bijak dalam membuat ciptaan baru yang inovatif.

Mesin pengisar ais itu adalah hasil rekaan usahawan, Loke Kee Voon, yang mengambil idea dari teknologi yang digunakan dalam industri perikanan di Norway, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

'Flake Ice Maker' yang mendapat sijil Pejabat Pendaftar Rekabentuk Paten United Kingdom pada 1998, diakui sebagai alat pengisar ais pertama ciptaan tempatan.

Keistimewaan alat pengisar ais itu ialah air yang mengalir masuk ke dalam silinder akan menjadi beku secara automatik, serta dikisar oleh alat pengisar yang bergerak mengeliling silinder.

Sebelum itu, air dari sumbernya melalui alat penapis sebelum disalurkan ke kotak enjin yang kemudian mengepam air masuk ke silinder. Silinder itu dikawal oleh alat pemampat udara dan kipas bagi menghapuskan haba dan menjadikan ia sejuk.

Mesin ciptaan anak Malaysia itu lebih pantas membekukan air berbanding tempoh 10 minit hingga 15 minit yang diperlukan oleh mesin yang sama keluaran Norway, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Eksekutif Pemasaran Ban Eng Hong Refrigeration dan Electrical Works, Zakaria Ahmad, berkata 'Flake Ice Maker' boleh dimanfaatkan oleh industri pertanian terutama nelayan laut dalam yang menggunakan ais bagi memastikan kesegaran hasil tangkapan.

(END)